

17 JAN 2002

Kadir-Tioman/I

PERANCANGAN UNTUK TINGKATKAN TARIKAN TIOMAN SEDANG DIJALANKAN

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Perancangan untuk meningkatkan lagi tarikan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan sedang dijalankan, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini.

Ia termasuk memindahkan setinggian ke tempat yang lebih tersusun, membersihkan pantai dan sungai, menyediakan alat pelupusan sampah sewajarnya dan pembinaan jalan raya, katanya.

Bagaimanapun, Abdul Kadir berkata kerajaan akan memastikan pulau itu tidak dibangunkan secara keterlaluan.

"Saya yakin kerajaan negeri dan Lembaga Pembangunan Tioman mempunyai dasar tertentu untuk tidak membenarkan pembangunan keterlaluan...tidak meluluskan pembangunan keterlaluan di zon tertentu," katanya kepada pemberita sebelum melancarkan Direktori Pelancongan dan Beli-Belah Arab Edisi Malaysia 2002/2003, di sini.

Beliau juga berkata Pulau Tioman akan dibangunkan secara berbeza dengan Pulau Langkawi.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan satu laporan berita yang menyatakan Pulau Tioman akan dijadikan sebagai sebuah pulau bebas cukai.

Langkah itu akan menjadikan Pulau Tioman sebagai pulau ketiga dengan status bebas cukai selepas Pulau Langkawi dan Labuan, bagi membolehkan pulau itu bersaing dengan Pulau Bintan dan Pulau Batam di Indonesia dalam menarik pelancong dari Singapura.

Kira-kira 200,000 pelawat tiba di Pulau Tioman pada 2000 berbanding 58,000 pada 1987.

Abdul Kadir berkata kementeriannya dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Tioman sedang mengenal pasti lebih banyak program pembangunan bagi pulau itu.

Walaupun status Pulau Tioman telah bertukar, ia akan terus kekal di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang, katanya.

-- BERNAMA

NM AHH RHM